



# TADIKA PINTAR BISTARI

Cawangan Taman Scientex 2 (J5AA089)

58, Jalan Serindit 9, Taman Scientex,

81700 Pasir Gudang, Johor.

☎ : 019-7350900

Laman Web : <http://pintarbistari.edu.my>

Email : [pintarbistari@ymail.com](mailto:pintarbistari@ymail.com)

---

Kepada :  
Ibubapa /Penjaga

Tarikh : 22 Januari 2020

Ruj : TS2 02/2020

Tuan / Puan

## PER : MAKLUMAN FEBRUARI

### 1. CUTI TAHUN BARU CINA

- Tarikh bercuti : **23hb (Khamis) – 27hb (Isnin) Januari 2020.**
- Tadika akan beroperasi seperti biasa **pada 28 Januari 2020 (Selasa).**

### 2. PERATURAN TADIKA & DASAR KUTIPAN YURAN 2020

- Peraturan Tadika & Dasar Kutipan Yuran bagi tahun 2020 telah dikongsikan dalam Group WhatsApp tadika dan borang yang perlu ditandatangani telah diedarkan kepada murid-murid.
- Mengikut rekod kami, masih terdapat segelintir ibu bapa yang **belum mengemalikan** keratan tersebut (peraturan tadika dan kebenaran renang).
- Sila kembalikan kepada pihak tadika **sebelum 30 Januari 2020 (Khamis).** Kerjasama ibu bapa dalam perkara ini amatlah dihargai.

### 3. PARENTING PROGRAM & PENERANGAN BACALAH ANAKKU (MURID 5 TAHUN) DAN PENERANGAN SEMPOA (MURID 6 TAHUN)

- Tarikh : 8hb Februari 2020 (Sabtu)
- Tempat : TS Hotel, Tmn Scientex

Kepada ibubapa yang masih belum mendaftar, sila gunakan link ini untuk mendaftar

- 5 Tahun (K1) : [http://bit.ly/program\\_keibubapaan](http://bit.ly/program_keibubapaan)
- 6 Tahun (K2) : [http://bit.ly/program\\_sempoa2020](http://bit.ly/program_sempoa2020)

### 4. LAWATAN SAMBIL BELAJAR ( 6 TAHUN SAHAJA )

- Sila rujuk lampiran yang diedarkan kepada murid-murid. Bagi ibu bapa yang berminat dan memberi kebenaran, sila gunakan link ini untuk mendaftar : [http://bit.ly/lawatank2\\_2020](http://bit.ly/lawatank2_2020)
- **Borang Kebenaran Lawatan** yang diedarkan kepada murid perlu diisi dan dikembalikan **beserta bayaran** ke tadika sebelum @ pada **3 Februari 2020 (Isnin).**

## 5. JADUAL AKTIVITI RENANG ( FEBRUARI )

Untuk makluman tuan/puan, aktiviti renang akan dimulakan pada bulan Februari. Berikut adalah jadual aktiviti renang bagi bulan Februari.

Tarikh	Kelas sesi pagi	Kelas sesi petang
17 Februari 2020 (Isnin)	6 Arif, 6 Pintar	5 Pandai , 5 Bijak
18 Februari 2020 (Selasa)	5 Arif, 5 Pintar	5 Cerdas , 6 Bijak
19 Februari 2020 (Rabu)	6 Bistari 1	

- Murid hendaklah **memakai pakaian senaman** pada hari aktiviti renang dijalankan dan pastikan **nama telah ditulis** pada baju senaman bagi mengelakkan daripada tertukar sesama murid.
- Ibubapa diminta **menyediakan pakaian renang** ( seluar pendek & t-shirt atau swimming suit ) dan **tuala (pastikan nama anak ditulis pada pakaian & tuala )**.
- Hanya murid yang diberi **kebenaran** sahaja yang akan dibenarkan menyertai aktiviti renang ini. Bagi ibubapa yang masih belum mengembalikan borang kebenaran renang, sila kembalikan **sebelum 30 Januari 2020 ( Khamis )**.

## 6. LAWATAN KE FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA PASIR GUDANG ( 6 TAHUN SAHAJA )

- **Tarikh lawatan :** 26 Februari 2020 ( Rabu )
  - **Masa :** Mengikut sesi persekolahan masing-masing
- a) Murid-murid dikehendaki **memakai pakaian senaman dan topi** (tuliskan nama). Ibubapa dinasihati membekalkan anak dengan air .
  - b) Sekiranya ibubapa memberi kebenaran, sila isikan borang mengikut link berikut. [http://bit.ly/kebenaran\\_layang2\\_2020](http://bit.ly/kebenaran_layang2_2020)
  - c) **Borang Kebenaran Lawatan** yang diedarkan kepada murid perlu diisi dan dikembalikan ke tadika sebelum @ pada **3 Februari 2020 (Isnin)**. **Tiada bayaran** bagi program ini.
  - d) Hanya murid (6 tahun) yang **mendapat kebenaran ibubapa sahaja** yang akan dibawa oleh pihak tadika untuk menyertai lawatan ini.

**\*\* Murid-murid dikehendaki membawa buku mengikut jadual seperti biasa pada hari tersebut.**

## 7. KERJA SEKOLAH ( HOMEWORK )

Untuk makluman, murid-murid telah mula diberikan kerja sekolah dan didapati ada segelintir murid yang tidak menyiapkan kerja sekolah yang telah diberikan oleh guru. Kerja sekolah tersebut perlu dihantar/dibawa pada keesokan harinya (walaupun tiada subjek di dalam jadual). Diharap pihak ibu bapa mengambil perhatian tentang perkara ini bagi memastikan P&P (pengajaran dan pembelajaran) dapat berjalan dengan lebih lancar.

## 8. HAFALAN IBADAH & DOA BULANAN

Berikut adalah hafalan bagi semester 1 (Januari hingga Mei)

BIL	BULAN	HAFALAN DOA 5 TAHUN	HAFALAN SURAH 6 TAHUN	HAFALAN IBADAH 6 TAHUN
1	JAN	Doa Ibu bapa	Surah Al-Masad	Niat mengambil wudu'
				Niat solat 5 waktu
2	FEB	Doa naik kenderaan	Surah Al-Fil	Doa iftitah
3	MAC	Doa sebelum tidur	Surah An-Nassr	Tahiyat Awal
		Doa bangun dari tidur		Tahiyat Akhir
4	APRIL	Doa masuk tandas	Surah Al-Ma'un	Doa Qunut
		Doa keluar dari tandas		
5	MEI	Doa masuk rumah	Ayatul Qursi	Bacaan Ruku', sujud & duduk antara 2 sujud

- Ibubapa diminta membimbing anak dirumah bagi memastikan anak menghafal bacaan doa /surah/ hafalan ibadah dengan betul.
- Rekod hafalan akan dicatat oleh guru kelas masing-masing dari masa ke semasa.

## 9. BORANG KEBENARAN RAWATAN GIGI (SESI PAGI SAHAJA)

- Kad rawatan pesakit (warna pink) akan diedarkan kepada murid-murid.
- Ibubapa diminta mengisi borang ini dan perlu dipulangkan ke tadika **sebelum 30 Januari 2020 (Khamis)**. Hanya murid yang **diberi kebenaran/ menghantar borang** sahaja yang akan menerima rawatan. Pemeriksaan gigi ini akan dibuat oleh Klinik Kesihatan. Tarikh pemeriksaan gigi akan dimaklumkan kemudian.

### Butiran yang perlu diisi oleh ibu bapa :-

#### **A. Maklumat am**

- No. K/P Baru / Surat Beranak
- Nama (HURUF BESAR)
- Alamat surat-menyurat & Poskod
- Tarikh lahir
- Umur
- Jantina
- Warganegara
- Nama sekolah / Tadika

#### **B. Kebenaran untuk rawatan**

- Nama ibu / bapa / penjaga
- No. K/P ibu / bapa / penjaga
- Tandatangan ibu / bapa / penjaga

#### **C. Catatan perubatan yang lampau, Sila nyatakan sekiranya ada penyakit.**

Sekian, untuk makluman. **Sila ★ (starred message) makluman** ini untuk rujukan tuan/puan. Kerjasama & perhatian dari tuan/puan amat diperlukan. Jika terdapat sebarang pertanyaan & kemusykilan, sila hubungi pihak tadika. Terima kasih.

**‘ Bersatu Untuk Mendidik ’**

Yang benar,  
**MyBistari Group**